

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL  
[KANGAR - BN]**

**TARIKH : 26 MAC 2018 (ISNIN)**

**SOALAN NO.45**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah kekangan-kekangan yang dihadapi oleh Kementerian berkenaan dalam memastikan keseimbangan pembangunan kemudahan sukan dan penyelenggaraannya khususnya di Perlis.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sentiasa mendapat kerjasama yang baik daripada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan khususnya di Negeri Perlis dalam pembangunan dan penyelenggaraan kemudahan sukan. Sebagai contoh KBS telah bekerjasama dengan Pihak Kerajaan Negeri dalam pembangunan semula Kompleks Sukan Negeri Perlis semasa SUKMA Perlis pada Tahun 2014.
2. KBS juga amat mengalu-alukan kerjasama dari semua pihak bagi memastikan kemudahan-kemudahan sukan yang telah disediakan ini digunakan dan dimanfaatkan dengan sebaiknya.

Sekian, terima kasih.